



09 Ogos 2015

Untuk disiarkan segera

Projek Bintang mengasah bakat dan memberi inspirasi kepada Belia untuk Mencapai Bintang dalam bidang Seni Persembahan

30 belia bakal menawan hati para penonton dengan langkah-langkah tarian yang bertenaga semasa Acara Hujung Minggu Bulan Bahasa 2015 setelah menjalani latihan Projek Bintang.

Menemui Bakat Terpendam

Bermula pada Mac tahun ini, Projek Bintang atau *The Rising Star Project* (TRSP), telah pesat berkembang dalam misinya iaitu untuk mengasah bakat semula jadi pelajar, merealisasikan potensi mereka, serta meningkatkan harga diri dan keyakinan diri mereka untuk mengharungi cabaran baharu. Projek ini juga ingin menggalakkan para belia untuk menggunakan bakat mereka dan kemahiran hidup dalam bidang seni sebagai asas penting yang akan membantu mereka mencapai kejayaan untuk masa depan.

“Kami ingin menggalakkan belia kita untuk melakukan apa sahaja yang memberi inspirasi dan motivasi kepada mereka, terutamanya dalam bidang seni. Untuk membantu mereka mencapai impian, kami menyediakan perjalanan yang bermakna melalui Projek Bintang. Kami telah menerima sokongan daripada pemimpin, rakan kongsi dan pelbagai pertubuhan lain untuk projek ini dan ini memberikan peluang kepada pelajar untuk mencapai impian peribadi mereka,” kata Encik Didicazli Ismail, Pengarah Damalee Communications dan Pengarah Program Projek Bintang. Tambah beliau lagi, projek ini telah menjadi kenyataan kerana sumbangan dana daripada Forum Pemimpin Masyarakat (CLF) dan Yayasan Lee.

Mempelajari daripada Yang Terbaik

Kerangka kerja pembelajaran projek ini termasuk sesi mentor dalam beberapa disiplin estetik yang memupuk penghargaan terhadap bidang seni dalam diri para pelajar serta membantu mereka memperoleh kemahiran yang diperlukan dalam filem, muzik, drama dan tarian melalui bengkel seni persembahan.

Untuk memberi para belia pengalaman yang asli dan berkualiti tinggi, mereka akan dilatih oleh selebriti, penerbit filem, pakar teater dan tarian Singapura yang terkenal dalam industri mereka.

Selebriti-selebriti ini termasuk penyanyi, penulis lagu dan penerbit filem, Encik Rifaah Ridzwanulhakim, Penerbit MediaCorp TV Encik Zaharian Osman dan Pelakon Cik Haryani Othman yang semua telah menyumbangkan masa dan bakat mereka untuk program ini. Para belia juga akan mendapat peluang



untuk mendengar daripada penyanyi Sufie Rashid, Sarah Aqilah, Reyza Hamizan dan Hyrul Anwar, yang akan berkongsi pengalaman peribadi mereka dan tip-tip motivasi.

Menghargai Bahasa & Budaya Melayu

Di samping memperoleh kemahiran baharu dan memupuk bakat semula jadi mereka, Projek Bintang menggalakkan para pelajar untuk menghargai keindahan bahasa Melayu melalui berbagai-bagai aktiviti kerana bahasa penting untuk meluahkan perasaan mereka semasa aktiviti-aktiviti ini, yang termasuk penulisan lagu, menyanyi, mengacara, dan berlakon. Muzik Melayu tradisional dan kontemporari, juga digunakan semasa kelas tarian, justeru melestarikan budaya dan memupuk penghargaan terhadap warisan Melayu.

Persembahan di Gardens by the Bay

Bagi para pengunjung Flower Dome di Gardens by the Bay semasa Acara Hujung Minggu Bulan Bahasa 2015, mereka akan dapat menikmati persembahan daripada pelajar-pelajar terpilih yang bakal mempamerkan tarian klasik dan tradisional serta persembahan dikir barat yang bertenaga. Untuk masa persembahan, sila lungsuri lelaman Bulan Bahasa di mbms.sg atau ‘follow’ kami di Facebook di www.facebook.com/majlisbahasa

Daftar sekarang untuk tiket masuk percuma ke Flower Dome. Tarikh tutup pendaftaran: 15 Ogos 2015.

Melalui Peatix: <http://bulanbahasa.peatix.com/>

Melalui e-mel: NHB_MalayLanguageCouncil@nhb.gov.sg

Melalui telefon: 6332 3293 (Isnin - Jumaat; dari 9pg hingga 12tgh dan 2ptg hingga 5ptg)

~~~



**Untuk mendapatkan maklumat lanjut dan sesi temubual, sila hubungi:**

Cik Aisyah Noor Mohd

DID: 6332 2244

Email: [siti\\_aisyah\\_noor\\_mohd@nhb.gov.sg](mailto:siti_aisyah_noor_mohd@nhb.gov.sg)

Sesi temubual boleh diatur dengan Encik Didicazli Ismail, Pengarah Damalee Communications dan Pengarah Program Projek Bintang.

#### **Tentang Bulan Bahasa**

Sejak 1988, Majlis Bahasa Melayu Singapura telah menganjurkan Bulan Bahasa untuk menggalakkan masyarakat Melayu menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan harian. Daripada acara yang berlangsung sekali setiap dua tahun sebelum 2010, Bulan Bahasa telah menjadi acara tahunan yang terus mendapat sokongan daripada masyarakat. Pelbagai kegiatan Bulan Bahasa telah dianjurkan untuk memupuk keyakinan diri dan kemahiran bahasa Melayu serta melestarikan budaya dan warisan Melayu.

Untuk maklumat lanjut mengenai Majlis Bahasa Melayu Singapura, dan Bulan Bahasa, sila lungsuri mbms.sg dan [facebook.com/majlisbahasa](https://facebook.com/majlisbahasa).